



سَلَامٌ  
Imarah



MASJID IBN ABBAS, TAMAN IBUKOTA, KUALA LUMPUR

BIL:10

BULETIN

2024

# SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN DAN MAULIDUR RASUL



MAJLIS SAMBUTAN AIDILADHA, IBADAH KORBAN KEMBALI MERIAH - *mukasurat 8*

PELBAGAI PENGISIAN ROHANIAH SEMPENA MAAL HIJRAH 1446H - *mukasurat 16*

KONTRAKTOR LANTIKKAN JAWI MULA KERJA SELENGGARA - *mukasurat 24*



MASJID IBN ABBAS



MASJID IBN ABBAS



[www.miatik.my](http://www.miatik.my)

# Sidang Editor

## Penaung

Hj Nizam Shah Bin Mohd Noor

## Ketua Editor

Hj Muhd Syahamirul Edinin Bin Abd Hamid

## Sidang Editor

Ustaz Mohd Shukri Bin Shafie

Ustaz Marwan Hadid Bin Nor Khair

Pn Samsiah Binti Husain

Hj Othman Bin Nawang

Pn Armi Bt Mohd Ramli

Pn Aminah Binti Abdul Syukor

## BARISAN AHLI JAWATANKUASA

### MASJID IBN ABBAS

#### Pengerusi

Hj Nizam Shah Bin Mohd Noor

#### Timbalan Pengerusi

Hj Muhd Syahamirul Edinin Bin Abd Hamid

#### Setiausaha

Ustaz Mohd Shukri Bin Shafie

#### Bendahari

Hj Zulkifly Bin Mohd Daud

#### Biro Pembangunan & Ekonomi

En Wan Dzulkarnain Bin Hussain Sadri

#### Biro Pendidikan & Dakwah

Ustaz Marwan Hadid Bin Nor Khair

#### Biro Penerangan & Penerbitan

Hj Muhd Syahamirul Edinin Bin Abd Hamid

#### Biro Khairat Kematian

Hj Nizam Shah Bin Mohd Noor

#### Biro Kebajikan

En Nasrul Azhar Bin Nasarudin

#### Biro Muslimat

Pn Siti Mariam Binti Diran

Pn Samsiah Binti Husain

#### Biro Keselamatan & Keceriaan

En Ahmad Zamri Bin Hasan

Ustaz Muhammad Shalahuddin Bin Muhamad Ajib

#### Biro Beliananis

Pn Armi Bt Mohamed Ramli

#### Biro Multimedia

Hj Latif Bin Abd Rahim

# Suara Editor



**S**yukur ke hadrat Ilahi, buletin terbaru ini akhirnya dapat diterbitkan dengan jayanya walaupun berdepan dengan sedikit kelewatan yang tidak dapat dielakkan. Kami sangat teruja untuk mempersembahkan kepada anda sebuah keluaran yang penuh dengan informasi, inspirasi, dan kisah menarik yang diharap mampu menyuntik semangat serta memberikan nilai tambah kepada pembaca terutamanya para jemaah dan anak kariah Masjid Ibn Abbas.

Edisi atau keluaran kali ini menggabungkan pelbagai cerita dan inspirasi berlandaskan empat peristiwa bermakna dalam kehidupan kita iaitu Awal Muharram, Hari Raya Aidiladha, Hari Kemerdekaan Negara, dan Maulidur Rasul.

Tema kali ini berakar pada tiga nilai utama: pengorbanan, patriotisme, dan kasih sayang. Perayaan Aidiladha mengingatkan kita tentang nilai keikhlasan dalam pengorbanan, seperti yang diajarkan melalui kisah Nabi Ibrahim A.S. dan Nabi Ismail A.S. Artikel khas dalam buletin ini turut mengupas erti pengorbanan moden yang relevan dalam kehidupan kita hari ini.

Sementara itu, semangat patriotisme

terpancar melalui sambutan Hari Kemerdekaan Negara. Dalam bahagian khas kemerdekaan, kami menyentuh tentang perjuangan bangsa, semangat perpaduan, dan harapan untuk Malaysia yang lebih maju. Semoga ia menjadi inspirasi untuk kita semua menyumbang kepada pembangunan negara tercinta.

Tidak ketinggalan, Maulidur Rasul pula mengajak kita menelusuri jejak Rasulullah S.A.W., seorang pemimpin agung yang membawa mesej kasih sayang, kebaikan, dan perpaduan. Melalui kisah-kisah Baginda yang diselitkan dalam buletin ini, kita diharapkan dapat memperkuatkannya cinta kepada Baginda dan mengamalkan sunnah dalam kehidupan sehari-hari.

Akhir kata, Jazakallahu khair buat semua yang terlibat dalam penerbitan buletin ini. Semoga kandungan yang disajikan bukan sahaja memberikan manfaat dan inspirasi kepada kita semua malah ia turut menerapkan nilai-nilai murni yang dapat membimbing kita menjadi insan lebih baik, sebagai individu, rakyat, dan umat Islam. Selamat membaca dan selamat menjalani ibadah.

Jazakallahu khair.

مهد شہامیرول ادینین

## Isi Kandungan Pilihan

DIGITALISASI PENDIDIKAN - AGENDA UTAMA MIATIK MEMPERKASA  
GOLONGAN PELAJAR DAN REMAJA DALAM KARIAH.....

5

EIDUL ADHA AL MUBARAK MENGHAYATI ERTI DISEBALIK PERISTIWA  
KORBAN.....

7

KERJA NAIK TARAF DAN SELENGGARA MASJID BAKAL DISEGERAKAN  
BAGI MEMBERI LEBIH KEMUDAHAN DAN KESELESAAN PARA JEMAAH

23

KEMERIAHAN MAULIDUR RASUL & HARI MALAYSIA: BERSATU DALAM  
KEBERKATAN, MEMPERTEGUH SEMANGAT PERPADUAN.....

26

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Segala puji bagi Allah S.W.T. yang telah mengurniakan kita nikmat kesihatan dan peluang untuk terus berkhidmat di rumah-Nya yang mulia.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَاتِهِ

Alhamdulillah, Buletin Masjid edisi 10 ini berjaya diterbitkan dengan usaha murni Ikhlas para Jawatankuasa Kariah masjid kita untuk menyajikan laporan dan sorotan kegiatan sepanjang suku kedua dan ketiga tahun ini untuk tatapan dan pemakluman kepada para jemaah dan anak kariah.

Masjid bukan sekadar tempat untuk beribadah, tetapi juga pusat komuniti yang memupuk ukhuwah, mendidik jiwa, dan menyatukan masyarakat. Dalam keluaran kali ini, kita akan disajikan ringkasan pelbagai aktiviti dan program yang telah dilaksanakan dengan jayanya—daripada ceramah agama yang memupuk ilmu rohani, gotong-royong memperindah persekitaran masjid, perayaan utama dalam Islam, program tahunan masjid sehingga kepada program kebaikan membantu golongan yang memerlukan.

Tidak ketinggalan, kita juga telah menyaksikan sambutan istimewa sempena Hari Raya Aidiladha, susunan program khas Maal Hijrah, Sambutan Maulidur Rasul serta aktiviti kemerdekaan yang diserikan dengan doa untuk kesejahteraan negara. Semua ini membuktikan peranan masjid sebagai nadi kehidupan masyarakat, menyatukan pelbagai lapisan umur, fahaman politik dan latar belakang untuk tujuan yang sama mencari keredaan Allah.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan padu kepada masjid kita, termasuklah ahli Jawatankuasa kariah, para sukarelawan, para ilmuan serta seluruh jemaah. Tanpa kerjasama, sumbangan dan komitmen kalian dalam bentuk wang ringgit, tenaga dan buah fikiran, mustahil kita dapat mencapai segala pencapaian yang dicatatkan sehingga kini.


Semoga dengan penerbitan buletin ini, kita semua dapat terus mengambil iktibar, memperkuuh ukhuwah, dan mempertingkatkan amalan kita bersama. Akhir kata, marilah kita terus bersama-sama memakmurkan masjid ini, menjadikannya sebagai wadah penyatuan dan sumber keberkatan untuk seluruh komuniti di kawasan kita terutamanya.

Mohon jutaan kemaafan atas segala kekurangan dan kekhilafan dari saya dan Jawatankuasa kariah serta pengurusan Masjid Ibn Abbas selama kami menguruskan masjid kita ini. Semoga Allah S.W.T. memberkati setiap usaha baik kita.

Sekian, terima kasih.



Hj Nizam Shah Bin Mohd Noor  
Pengerusi Masjid Ibn Abbas



Alhamdulillah, pujian dan syukur kepada Ilahi dengan pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas Nabi SAW, keluarga, sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga hari kesudahan.

Segala kesyukuran dipanjangkan kerana buletin edisi yang ke 10 ini telah dapat diterbitkan lagi. Dalam tempoh penyediaan buletin ini pihak masjid telah menempuh pelbagai hari kebesaran Islam dan hari kebesaran negara yang sememangnya diraikan oleh anak kariah masjid melalui aktiviti dan program yang bermanfaat.

Pada Jun 2024 kita telah menyambut Hari Raya Aidiladha, hari raya Aidiladha bukan sekadar perayaan keagamaan, tetapi juga mengandungi nilai-nilai yang mendalam dalam ajaran Islam. Ia mengajar kita tentang kesetiaan kepada Allah dan ketaatan terhadap perintah-Nya. Ketika Nabi Ibrahim bersedia untuk mengorbankan anaknya, Ismail, demi memenuhi perintah Allah, tindakan itu membuktikan keteguhan iman dan kepatuhan yang luar biasa.

Hari Raya Korban juga menggalakkan semangat berkorban dan berkongsi rezeki dengan yang memerlukan. Sunnah Nabi Ibrahim dalam berkorban memberi pengajaran tentang pentingnya kedulian terhadap sesama manusia dan pentingnya berkongsi rezeki untuk memperkuat jalinan sosial.

Pada Julai 2024 pihak masjid telah merayakan sambutan Awal Muharram, pada bulan ini menunjukkan hijrah mempunyai kedudukan yang mulia dan istimewa dalam Islam. Betapa hebatnya hijrah sehingga Allah menjanjikan dengan syurga berdasarkan nas yang banyak sama ada daripada al-Quran dan Sunnah.

Selain itu juga, ia menggambarkan kehebatan dan kekuatan umat Islam yang melaksanakan hijrah. Justeru sewajarnya umat Islam memahami erti dan makna hijrah. Mudah-mudahan dengan itu kita dapat menghijrahkan diri kita dalam usaha untuk menggapai mardhatillah.

Dalam kita menempuh bulan kemerdekaan setiap tahun pada 31 Ogos 2024, kita perlu menilai Kembali tanggungjawab kita mempertahankan negara kerana Mempertahankan kemerdekaan negara adalah kewajiban kita bersama sebagai rakyat jelata.

Mempamerkan rasa cinta kepada negara hendaklah wujud pada setiap orang dan ditanam sejak kecil lagi kepada anak-anak. Ini menjadikan setiap warganegara amat menghargai tanah tumpah lahirnya yang sudah pasti akan ada perasaan setia kepada negara.

Akhirnya pada bulan September 2024 lalu, kita telah menyambut Maulidur Rasul S.A.W. Menyambut sambutan maulidur Rasul adalah sunnah yang baik daripada syariat yang disunnahkan oleh Rasulullah. Moga dengan sambutan ini bukan Sahaja untuk memperingati baginda nabi secara tahunan Sahaja bahkan perlu memperingati dan mengamalkan sunnah nabi setiap masa dalam kehidupan kita seharian.

Al faqir ilallah,

USTAZ MOHD SHUKRI BIN HJ SHAFIE

Pemangku Naqib

Masjid Ibn Abbas





## MIATIK ANJUR MAJLIS RAIKAN PARA DHUYUFURRAHMAN DALAM KARIAH

**MIATIK, 2 Mei** - MIATIK hari ini meraikan para jemaah haji yang terpilih dalam kariah bagi musim 1445H. Majlis dimulakan dengan bacaan surah Yasin dan doa selamat selepas selesai solat fardhu Maghrib berjemaah.

Seramai 19 orang jemaah haji dalam kariah yang direkodkan terpilih bakal mengerjakan haji pada tahun ini. Mereka juga turut menerima sedikit sumbangan bagi meringankan perbelanjaan dan urusan di tanah suci nanti.

Bersama-sama kita mendoakan agar para jemaah haji kita dipermudahkan segala urusan mereka, bagi keluarga yang ditinggalkan, juga selamat pergi dan kembali dengan haji yang mabruk.

## TINGKATKAN ILMU KEPENGGUNAAN, JAUHI PERANGKAP 'SCAMMER'

**MIATIK, 2 Mei** - Menyedari jenayah ini semakin meningkat dalam kalangan masyarakat, satu taklimat berkaitan permasalahan berkenaan telah diadakan, anjuran Biro Muslimat baru-baru ini.

Program tersebut merupakan julung kali diadakan di masjid ini dengan sasaran utama pesertanya adalah para suri rumah dan warga emas.

Seramai hampir 200 orang peserta kuliah Dhuha Muslimat telah menghadiri Program Taklimat Khas 'Jangan Kena Scam' dengan speaker jemputan ASP Rahmat Fitri Abdullah, duta Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Sesi kedua diadakan pada keesokkan hari dalam slot tazkirah Jumaat.



ASP Rahmat Fitri Abdullah-Duta Anti Scam PDRM sebagai speaker jemputan



Penerimaan sumbangan beras dilakukan di Masjid Amru Al As, Sentul, KL - foto BPP

bukan sahaja tempat ibadat, tetapi termasuk tempat menjalankan program amal jariah dan juga mengimarahkan masjid,".

MIATIK mewakili anak-anak kariahnya menjunjung kasih atas keperihatinan Yang diPertuan Agong terhadap nasib mereka yang kurang berkemampuan hidup di kota dalam suasana ekonomi yang tidak menentu ketika ini.

## ISTANA NEGARA SUMBANG 1,750 KILOGRAM BERAS KEPADA ASNAF

**MIATIK, 24 April** - MIATIK menerima sumbangan sebanyak 1,750 kilogram beras yang disumbangkan oleh Istana Negara untuk edaran kepada yang berkeperluan melalui Pejabat Pentadbir Agama JAWI Zon 2 hari ini.

Pembahagian edaran beras dalam kariah ini dilakukan dengan kerjasama persatuan kebajikan sekolah-sekolah, surau dan perkampungan orang asli.

Sebelum itu, Datuk Paduka Maharaja Lela Istana Negara, Datuk Azuan Effendy Zairakithnaini berkata, "Program ini elok juga diadakan di masjid kerana menjadikan masjid



**AHLI JAWATANKUASA KECIL  
BIRO KHAIRAT KEMATIAN  
MASJID IBN ABBAS**

**PENGERUSI**

HJ NIZAM SHAH BIN MOHD NOOR  
012 224 4995

**SETIAUSAHA**

HJ OTHMAN BIN NAWANG  
016 606 2867

**BENDAHARI**

ZULKIFLY BIN MOHD DAUD  
019 366 4953

**TEKNOLOGI MAKLUMAT**

HJ ABDUL LATIF BIN ABDUL RAHIM  
019 486 5772

**PENGURUSAN JENAZAH**

WAN AHMAD IBRAHIM W. ZULKIPLI  
011 5717 9733

**AJK (WAKIL TAMAN IBU KOTA)**

SUZAIRI BIN DATO' MOHD SUKON  
019 428 8841

**AJK (WAKIL TAMAN DANAU KOTA)**

HJ OTHMAN BIN NAWANG  
016 606 2867

**AJK (WAKIL TAMAN SETAPAK  
INDAH)**

HJ GHAZI BIN HJ. OMAR  
011 2337 0488

**AJK (WAKIL PV12)**

SAIFUL ASFAR BIN A.RAHMAN  
019 615 2163

**AJK (WAKIL SETAPAK INDAH F7)**

ISMAIL BIN MOHD ARSHAD  
016 278 5474

**AJK (WAKIL MUSLIMAT / TERATAI  
MEWAH/ MEDAN IDAMAN)**

AMINAH BINTI HJ ABD SHUKOR  
012 660 7270

HAMIDAH BINTI ABDUL RAHMAN  
011 6194 8895

**PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA!!**

**MOBILE CLINIC MAIWP – MAPIM**

Pemeriksaan kesihatan (Termom, buah, selancar, ds) Pemeriksaan paros kolesterol Pemeriksaan tekanan darah Pemeriksaan paros gula

Terui Kami di

**MASJID IBN ABBAS**  
TAMAN IBU KOTA, 53100 KUALA LUMPUR

**TARIKH**  
**2 & 3 MEI 2024**  
(KHAMIS & JUMAAT)

**WAKTU PENDAFTARAN**  
**10.00AM - 1.30 PM**  
\*WAKTU KONSULTASI: 10:00 AM - 3:00 PM

**PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA ANJURAN BADAN KHAIRAT BERSAMA MAIWP DAN MAPIM**

**MIATIK, 2 Mei** - Badan Khairat Masjid Ibn Abbas telah mengadakan sesi saringan kesihatan secara percuma kepada warga anak kariah Masjid Ibn Abbas dengan menggunakan perkhidmatan 'Mobile Clinic' tajaan MAIWP dan MAPIM.

Hj Nizam Shah Mohd Noor selaku Ketua badan berkenaan berkata, program sedemikian bukanlah pertama kali diadakan, malah ia menjadi sebahagian dari program tetap tahunan badan berkenaan semenjak tahun 2022 dalam memberi peluang anak kariah mendapat khidmat nasihat dari sukarelawan kesihatan bertauliah berkaitan status kesihatan mereka.

Antara ujian yang dijalankan termasuk membuat pemeriksaan percuma bagi menyemak kandungan gula dan kolesterol dalam darah, tekanan darah, ukuran indeks jisim tubuh badan (BMI) dan pelbagai lagi. Program dijalankan selama dua hari ini telah memberi manfaat lebih dari 180 peserta yang rata-rata terdiri dari golongan warga emas dalam kariah. - Sumber BKK



Imbas QR code berkenaan untuk daftar sebagai anak kariah MIATIK.



Para pendidik dan pelajar dari Sekolah Agama An-Nawawi Taman Ibukota bersama Jawatankuasa Badan Khairat turut serta dalam pendedahan dunia digital yang disediakan oleh Mobile Lab - Dana Kita dan MAIWP - foto BPP

## DIGITALISASI PENDIDIKAN - AGENDA UTAMA MIATIK MEMPERKASA GOLONGAN PELAJAR DAN REMAJA DALAM KARIAH

**MIATIK, 2 Mei** - Dengan perkembangan pesat teknologi masakini, khususnya kewujudan wahana media sosial menyebabkan penyebaran maklumat dan ilmu menjadi tersangat pantas dan luar biasa dalam sekilip mata sahaja. Maklumat disebarluaskan di hujung jari dan kini tidak terhad kepada ilmuan semata-mata. Apa yang membimbangkan ialah perkembangan teknologi ini bukan sahaja menyediakan maklumat dan ilmu yang berguna tetapi juga berpotensi merosakkan pemikiran manusia kerana hampir semuanya mudah diperoleh melalui internet. Kesan ledakan maklumat ini telah banyak mempengaruhi gaya hidup dan pemikiran masyarakat kini. Hampir "semua" ada dalam internet, bahan yang baik mahupun yang buruk, racun mahupun penawar, berita benar mahupun berita palsu. Perkembangan ini walaupun ada kebaikannya namun jika tidak dikawal, akan boleh merosakkan pemikiran generasi muda masakini, seterusnya menghancurkan pegangan agama serta adab budaya masyarakat.

Oleh itu, generasi muda kita perlu

dibimbing dan diberi pendedahan untuk manfaat diri dan masyarakat. Menyedari akan permasalahan ini, MIATIK telah berkerjasama dengan NGO, Dana Kita dengan sokongan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memberi pendedahan ilmu perisian dalam internet yang berguna dan bermanfaat kepada pelajar-pelajar dan remaja dalam kariah. Objektif utama program ini adalah untuk membimbangi golongan muda dalam penggunaan internet yang lebih berhemah dalam pembinaan skil berkemahiran dan penggunaan perisian atas talian yang dapat membantu mudah dalam kerja harian mereka.

Program yang dikelolakan oleh Badan Khairat ini diadakan selama 2 hari telah mendapat sambutan dari warga penduduk. Peserta didedahkan dengan modul pendidikan khas untuk pelajar-pelajar sekolah dan perisian 'CANVA' atas talian

kepada para warga pendidik, pengurusan masjid dan peserta-peserta remaja dalam kariah. Tenaga pengajarnya disediakan sendiri oleh kumpulan Dana Kita.

Kumpulan Dana Kita berhasrat agar kolaborasi digitalisasi pendidikan dengan masjid dapat mempelbagaikan lagi fungsi masjid dalam bentuk penyebaran ilmu dalam bentuk digital kepada penduduk dalam kariahnya. Disamping itu, ianya dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar dan belia yang kurang kemampuan untuk menimba ilmu dan menggunakan segala kemudahan fasiliti yang disediakan secara percuma.

Sebelum itu, MAIWP telah menyumbangkan dana sebanyak RM1.2 juta kepada Pertubuhan Dana Kita untuk tujuan penyediaan fasiliti 'Mobile Lab Internet 2' bagi membantu anak-anak asnaf mendapat lebih akses pendidikan dan kemudahan berinternet bergerak setelah melihat kejayaan usaha Dana Kita dalam program 'Mobile Lab Internet 1' yang lalu.



# EIDUL ADHA AL MUBARAK

## MENGHAYATI ERTI DI SEBALIK PERISTIWA KORBAN



Oleh Marwan Hadid Bin Nor Khair  
Biro Pendidikan & Dakwah

Menulusuri kisah pengorbanan Nabi Ibrahim AS ketika peristiwa korban anakanda kesayangannya Nabi Ismail AS, merupakan suatu manifestasi kepuahan dan lambang ketauhidan yang tinggi dalam menjunjung perintah Allah S.W.T. Peristiwa tersebut telah menjadi ibrah pensyariatan dan hubung kait antara ibadah Haji dan ibadah korban yang disambut saban tahun.

Kesanggupan Nabi Ibrahim AS sebagai seorang ayah yang sangat menyayangi anaknya dalam menyembelih zuriatnya dengan tangannya sendiri serta kerelaan seorang anak dalam membiarkan dirinya disembelih semata-mata kerana menjunjung perintah Allah S.W.T pastinya memberi gambaran yang jelas kepada kita tentang ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah S.W.T merupakan suatu keutamaan paling tinggi sekalipun ia melibatkan pengorbanan harta dan jiwa.

Walau acap kali kita mendengar huraian dan penjelasan daripada para asatizah, namun persoalannya sejauh manakah penghayatan dan kesedaran kita kepada kisah ini?

Bagaimanakah penerimaan ibrah ini kepada diri kita?

Sebagai seorang muslim, kita harus meyakini dan mempercayai bahawa setiap amalan dan pengorbanan yang dilakukan atas dasar iman kepada Allah S.W.T demi mencari redhaNya, maka kebaikan dan ganjaran akan kembali kepada diri kita sendiri.

Seharusnya peristiwa pengorbanan yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS ini diceritakan berulangkali agar ia tidak dilupakan, terutamanya kepada generasi muda. Berapa ramai agaknya anak muda di zaman ini yang sanggup berkorban merelakan diri seperti Nabi Ismail AS? Peristiwa tersebut memberi makna yang cukup besar terutamanya dalam kehidupan hari ini di mana kebanyakan manusia semakin sibuk mengejar kemewahan dan kesenangan hidup. Pengorbanan bukanlah suatu perkara yang senang dilakukan, sebaliknya ia adalah sesuatu yang amat sukar.

Ibadah Haji itu sendiri merupakan suatu pengorbanan apabila seseorang sanggup berkorban masa, tenaga dan wang ringgit untuk menunaikannya. Pengorbanan di antara sesama manusia contohnya, apabila seorang suami berpenat lelah mencari rezeki dan mendidik

keluarganya serta pengorbanan seorang isteri terhadap suami dan anak-anak.

Seorang ibu yang sanggup tidak tidur semalam kerana menjaga anaknya yang sakit juga telah berkorban. Tidak terkecuali pengorbanan ibu ayah yang terpaksa bangun di tengah malam membancuh susu untuk anaknya. Walaupun nampak kecil, ia sebenarnya bukan sesuatu yang mudah untuk dilakukan jika sanggup berkorban serta mengharapkan keredaan Allah semata-mata.

Dalam aspek kemasyarakatan, individu yang sanggup berkorban bakal mewujudkan suasana yang bahagia, aman dan tenang di dalam sesebuah masyarakat. Sikap tolong menolong, saling bantu membantu akan mengeratkan lagi hubungan silaturrahim di antara satu sama lain.

Sikap bekerjasama dan mengambil berat ini akan dapat mengikis perasaan mementingkan diri sendiri. Seterusnya ia bakal menjadikan umat Islam itu kuat serta mampu menangkis sebarang anasir yang tidak sihat dari mempengaruhi masyarakat. Namun pengorbanan haruslah ikhlas kerana Allah S.W.T yakni, bagi mendapat keredaan Allah semata-mata, bukan dengan tujuan untuk bermegah-megah atau menunjukkan.

Harus diingat bahawa setiap dari kita berpotensi untuk melakukan pengorbanan. Memetik kata-kata seorang cendekiawan, "Isteri jadilah Siti Hajar walau suami bukan Nabi Ibrahim AS dan jadikan anak-anak kita Nabi Ismail AS".

Al-Imam Ibn al-Qayyim ada menyebut dalam kitabnya Zaad al-Maad: "Kebahagiaan itu dicapai dengan tiga keadaan: Bersabar ketika mendapat ujian, bersyukur ketika mendapat kenikmatan dan bertaubat ketika melakukan kesalahan". - MSE



Para sukarelawan penduduk kariah MIATIK saling bekerjasama membuat pembahagian daging korban untuk edaran - foto BPP

## MAJLIS SAMBUTAN AIDILADHA, IBADAH KORBAN KEMBALI MERIAH

**MIATIK**, 16 Jun - Selepas empat tahun masyarakat Islam di kariah ini 'berkorban' menyambut Hari Raya Aidiladha secara sederhana selain aktiviti ibadah korban dihadkan sebelum ini susulan pandemik Covid-19, tahun ini ibadah itu kembali disambut dengan penuh rasa syukur dan meriah.

Masjid Ibn Abbas menjadi tumpuan umat Islam sama ada warga tempatan atau warga asing untuk menuaikan solat sunat Aidiladha selain menyertai ibadah korban yang dilakukan secara terbuka berhampiran kawasan masjid.

Ibadah korban yang dilaksanakan selepas selesai solat sunat Aidiladha pada 10 Zulhijah dan berakhir waktu Asar pada hari yang sama, memandangkan keterbatasan hari cuti umum yang jatuh pada hari Isnin sahaja.

Pengerusi MIATIK, Hj Nizam Shah Mohd Noor berkata, sambutan Aidiladha pada tahun ini lebih hebat berbanding tahun sebelumnya kerana ia melibatkan penyertaan daripada komuniti setempat dengan kerja penyembelihan korban dibuat di kawasan masjid. Berbanding sebelum ini, segala kerja berkaitan dilakukan di ladang ternakan pembekal korban.

Sambil menyempurnakan ibadah

korban secara bergotong-royong 'menumbangkan' dua belas ekor lembu, sambutan yang diadakan bersama Ahli Jawatankuasa MIATIK, Ladang Buku Hijau dan sukarelawan penduduk itu turut melibatkan aktiviti melapah, memasak juadah serta mengagihkan daging korban kepada golongan yang memerlukan.

***'Diharapkan sumbangan ini dapat memberi keceriaan kepada para penerima, selain memupuk semangat perpaduan dan kerjasama menerusi aktiviti gotong-royong yang dijalankan.'***

**Hj Nizam Shah Mohd Noor  
Pengerusi Masjid Ibn Abbas**

"Alhamdulillah, sambutan daripada komuniti amat memberangsangkan yang mana mereka banyak membantu menyediakan segala persiapan dari mula sehingga akhir majlis.

"Adalah menjadi hasrat kami memberikan lebih makna di sebalik sambutan Aidiladha selain penghayatan ibadah korban. Kita berkongsi rezeki serta menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Tambah Hj Nizam Shah lagi, daging

korban turut diagihkan kepada para penama bahagian dan lebih 1000 keluarga dari tiga taman dalam kariah dan kawasan pinggiran sekitar seperti perumahan Taman Melati, PPR Desa Rejang dan perkampungan daerah Gombak.

"Majlis sambutan dan ibadah korban ini merupakan inisiatif MIATIK untuk mengeratkan hubungan silaturahim dan ukhuwah sesama anak kariah dan jemaahnya, sekali gus memeriahkan lagi sambutan Aidiladha," ujarnya.

Sebelum itu, solat sunat Aidiladha di Masjid Ibn Abbas diimamkan oleh pemangku Naqib, Ustaz Mohd Shukri Shafie. Khutbah bertajuk "Berkorban Untuk Kejayaan" turut disampaikan sendiri oleh beliau yang dihadiri hampir 1100 jemaah. - Sumber **BPD**

Jumlah korban  
**12 ekor lembu**

Jumlah agihan daging:

**Peserta 322 kg**

**Asnaf 439 kg**

**Awam 563 kg**



Solat sunat Aidil Adha



Ibadah korban 12 ekor lembu





Kerja melapah daging korban



Pengagihan daging korban



Kerja penyediaan hidangan makan malam secara gotong royong kaum muslimat



Jamuan AidilAdha hasil korban yang disediakan oleh kaum muslimat hidangan buat jemaah Masjid Ibn Abbas



## PROGRAM 'ZIARAH PERIHATIN KASIH' MENYELAMI PERASAAN ANAK KARIAH UZUR

**MIATIK**, 9 Jul - Program Ziarah Perihatin Kasih bertujuan menyantuni serta mengunjungi individu dan keluarga yang uzur kesihatan serta menderita pelbagai penyakit melibatkan tujuh buah rumah dalam kariah.

Program kali ini lebih efektif dengan kombinasi Jawatankuasa muslimin dan muslimat di bawah Biro Kebajikan dengan sasaran lebih ramai anak kariah uzur yang diziarahi dan disantuni. Setiap keluhan dan luahan perasaan dapat dikongsi bersama dengan harapan agar dapat meringankan bebanan perasaan dan sakit yang sedang dihadapi disamping memberikan suntikan moral.

Mereka yang diziarahi adalah Hj Adenan (kariah Taman Danau Kota) yang beransur pulih dari simptom 'Transient ischaemic attack' sebelum ini, Hj Safuan (kariah Taman Ibukota Kiri) uzur usia, Puan Siti Katijah Rahamat (kariah Taman Ibukota) uzur usia, Puan Kamariah Abd Aziz (kariah Taman Setapak Indah) uzur usia, Puan Rosani Basiron (kariah Taman Setapak Indah) mengidapi kanser pankreas tahap 4, En Mohd Shuhira Zainal Abidin (kariah Indah Apartment) yang mengidapi kanser hati, Hj Sidek Mohd Yassin (kariah Taman Setapak Indah) mengidapi kanser kolon, manakala Hj Salehuddin Dewa baru sahaja menjalani pembedahan retina mata

dan isteri mengidap kanser (kariah Taman Ibukota).

Masjid Ibn Abbas (MIATIK) diwakili Pengurus, Hj Nizam Shah Mohd Noor, Ketua Biro Kebajikan, Sdr Nasrul Azhar Nasiruddin, Ustaz Marwan Hadid Norkhair, Syahamirul, Sdr Dol Azemi. Manakala muslimat diwakili Puan Samsiah Husain, Hajah Ruhaidah A Rahim dan Puan Sonia Idrus.

MIATIK turut menghulurkan sedikit sumbangan, sumber dari tabung kebajikan dan tabung 'Jannatul Firdaus' serta hamper buat anak kariah yang diziarahi. Semoga Allah SWT memberi kesembuhan segera serta dipermudahkan segala urusan hidup mereka. - *Sumber BK*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَذْهِبْ أَبْعَثْ رَبِّ التَّأْسِ لِشُفَّاءِ الْأَشْفَاءِ لَا يُغَادِرْ سَقْمًا

Dengan menyebut Asma Allah Yang Maha Pengasih lagi Penyayang, Ya Allah, Tuhan sekeliah manusia, hilangkanlah kesukaran, Engku adalah Dzat penyembuh, tiada kesembuhan melainkan dari-Mu, kesembuhan yang tidak meninggalkan penyakit sama sekali.



Jemaah Muslimat yang hadir berpeluang bergambar bersama asatizah jemputan kuliah, Al Fadhil Ustaz YM Tengku Fadli- foto BM



Antara wakil jemaah muslimat Masjid Ibn Abbas yang hadir menyerikan lagi program Kuliah Dhuha Perdana - foto BM

## JEMAAH MUSLIMAT HADIRI KULIAH DHUHA PERDANA 'PERSIAPAN DI AKHIR ZAMAN'

**SEREMBAN, 1 Jun** - Rombongan cinta ilmu muslimat berkunjung ke perkampungan Al Hijrah, Jalan Pantai Seremban, Negeri Sembilan bagi menghadiri Kuliah Dhuha Perdana.

Kuliah Dhuha Perdana ini diserikan dengan asatizah jemputan seperti Ustazah Asma Harun dan Ustaz YM Tengku Fazli dengan penampilan khas, Ustaz Wadi Annuar. Tajuk kuliah yang dibentangkan adalah 'Persiapan Di Akhir Zaman'.

Kuliah bermula dari jam 9 pagi dan berakhir pada jam 12.30 tengahari ini turut dihadiri seramai 126 orang jemaah kuliah Dhuha Muslimat dari Masjid Ibn Abbas.

Biro Muslimat MIA turut menyerahkan sumbangan sebanyak RM3,500 kepada pihak pengurusan Perkampungan Al-Hijrah di akhir kuliah hasil kutipan jemaah dari tabung Jannatul Firdaus. - *Sumber BM*

**MASJID IBN ABBAS**  
Taman Ibu Kota, Kuala Lumpur

**PROGRAM BIRO MUSLIMAT**  
**Daurah KITAB**  
**YURAN RM30**  
**SEMUA DIJEMPUT HADIR**

**Al-Fadhil Ustaz MUHADIR HAJI JOLL**  
**SABTU 29 JUN 2024**  
**09.00 PAGI - 12.30 TENGAH HARI**

## DAURAH KITAB MERUNGKAI 133 HADIS BERKAITAN AL-QURAN

**MIATIK, 29 Jun** – Biro Muslimat Masjid Ibn Abbas menganjurkan siri Daurah Kitab ‘133 Hadis Fadhilat Surah, Ayat dan Membaca Al-Quran’ dengan jemputan pengarang kitab, Al Fadhil Ustaz Muhadir Haji Joll. Program berlangsung selama hampir 4 jam ini telah dihadiri seramai 140 orang jemaah masjid.

Ringkasan yang diperolehi dari program ini, Al-Qur'an adalah kitab suci umat Islam yang juga merupakan mukjizat Nabi Muhammad SAW. Kemuliaan dan kelebihan Al-Qur'an dan setiap isi kandungannya disampaikan oleh Rasulullah SAW melalui hadis-hadis Baginda. Naskhah ini mengumpulkan 133 hadis yang menyebutkan kelebihan Al-Qur'an, ayat dan surah tertentu untuk diamalkan dalam kehidupan sehari-hari kita bagi mendapat pelbagai manfaat di dunia dan akhirat. Antaranya:

- Membaca Al-Qur'an akan mendapat pahala berganda sama ada pembaca itu sudah mahir atau baru belajar.
- Mendapat syafaat Al-Qur'an pada hari kiamat.
- Surah Al-Fatiha boleh dibaca sebagai wasilah untuk menyembuhkan sengatan binatang berbisa.
- Sekali bacaan surah Az-Zalzalah, pahalanya menyamai pahala membaca setengah Al-Qur'an.
- Membaca surah Al-Kafirun untuk menjauhkan diri daripada syirik.
- Membaca Ayatul Kursi setiap kali selepas solat fardhu akan dapat masuk syurga.

Menghafaz 10 ayat pertama dan terakhir surah al-Kahf akan terselamat daripada fitnah dajjal.

**Infaq Tabung Muslimat**

#MTHOWP

Dana perlu untuk mempelbagaikan kegiatan kaum muslimat yang berunsur Ilmiah, kebajikan, pengukuhan ukhuwah dan seumpamanya. Sumbangan boleh dihulurkan menerusi akaun Biro Muslimat Masjid Ibn Abbas

Bank Muamalat

1403 0007 0257 16 BIRO MUSLIMAT MASJID





## PROGRAM SEMARAK MAAL HIJRAH MASJID IBN ABBAS 1446H / 2024

### "Al-Falah Pemacu Malaysia Madani"



**7 JULAI 2024 (AHAD)**  
**Ustaz Dr Izhan Hakimi**

"PENGAJARAN DAN TELADAN DI SEBALIK PERISTIWA HIJRAH NABI SAW"

KULIAH SUBUH  
SELEPAS SOLAT SUBUH



**8 JULAI 2024 (ISNIN)**  
**Dr. Ayman Al-Akiti**

"HIJRAH PEMIKIRAN  
DAN TINDAKAN"

KULIAH SUBUH  
SELEPAS SOLAT SUBUH



**8 JULAI 2024 (ISNIN)**  
**Ustazah Muzayyanah**

"MENGHAYATI PERISTIWA  
MAAL HIJRAH"

KULIAH DHUHA MUSLIMAT  
10.00 PAGI



**15 JULAI 2024 (ISNIN)**  
**Dr. Robiah K Hamzah**  
**Prof. Dr. Sharifah Haayati**  
**Ustaz Zukry Abd Jalil**

"HIJRAH ...DISINI BERMULA"

FORUM (DHUHA MUSLIMAT)  
10.00 PAGI



**28 JULAI 2024 (AHAD)**  
**Prof. Madya. Dato'**  
**Dr. Izhar Arifi**

"HIJRAH MENUJU AL FALAH"

KULIAH MAGHRIB KHAS  
SELEPAS SOLAT MAGHRIB

**6 JULAI 2024 (SABTU) -**

BACAAN YASIN, TAHLIL, DOA AKHIR TAHUN 1445H - 6.45 PETANG  
BACAAN DOA AWAL TAHUN 1446H - SELEPAS SOLAT MAGHRIB

**16 JULAI 2024 (SELASA) -**

PROGRAM BERBUKA PUASA & EDARAN BUBUR ASYURA  
(6.45 PETANG)



Masjid Ibn Abbas

### PELBAGAI PENGISIAN ROHANIAH SEMPENA SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1446H

**MIATIK, 7 Julai** - Sambutan Maal Hijrah 1446H/2024M di Masjid Ibn Abbas diisi dengan pelbagai program kerohanian dari asatizah yang terkenal dan aktiviti kebajikan sehingga akhir bulan ini. Program yang disediakan bukan sahaja dalam bentuk rohaniah tetapi juga turut membabitkan anak kariah dan jemaah masjid dalam erti persaudaraan serta mengwujudkan nilai kasih sayang yang semakin pudar dikalangan ummah sekarang. Hj Nizam Shah Mohd Noor berkata,

'Kita perlu bermuhasabah diri serta menguatkan lagi keazaman kita dalam berusaha meningkatkan lagi kualiti fardhu ain dan fardhu kifayah diri. Disamping itu, kita mengambil ibrah dalam penghijrahan Rasulullah SAW. Peristiwa tersebut mengajar kita erti ketabahan, keberanian dan ketekunan dalam mengharungi segala bentuk cabaran dan ujian yang mendatang. Ia juga mengingatkan kita tentang pentingnya perpaduan dan

keberkatan dalam setiap langkah yang kita ambil'. Tambahnya lagi, kita perlu manfaatkan kesempatan ini untuk memperbaiki diri mempertingkatkan lagi amal ibadah kita kepada Allah SWT serta menghindari sebarang unsur yang menyebabkan kerugian kepada kita di dunia dan akhirat.

Program selitan seperti bacaan Yasin dan tahlil, majlis berbuka puasa serta gotong royong memasak bubur asyura turut diadakan bagi menambah meriahkan sambutan Maal Hijrah tahun ini. - *Sumber BPP*

### SAMBUTAN MAAL HIJRAH 2024 - RENUNGAN IBRAH DENGAN SEMANGAT BARU

Maal Hijrah, atau Tahun Baru Hijriyah, adalah momen penting dalam kalender Islam yang memperingati peristiwa Hijrah Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah. Peristiwa ini menandai awal kalender Islam dan merupakan tonggak bersejarah yang membawa perubahan besar dalam perjalanan dakwah Islam. Tahun ini, kita menyambut Maal Hijrah dengan penuh harapan dan semangat baru. Mari kita telaah makna, refleksi, dan cara merayakan Maal Hijrah 2024 dengan cara yang lebih berarti.

Maal Hijrah adalah waktu yang tepat untuk merenungkan perjalanan dan transformasi. Hijrah bukan hanya tentang perjalanan fizikal, tetapi juga tentang perjalanan spiritual dan mental. Rasulullah SAW dan para sahabatnya meninggalkan segala yang mereka miliki untuk mencari tempat yang lebih baik dan aman dalam penyebaran agama Islam. Semangat pengorbanan, keteguhan iman, dan keyakinan pada tujuan yang lebih tinggi menjadi intipati dari perayaan ini.

Setiap tahun baru merupakan kesempatan untuk melakukan introspeksi dan perbaikan diri. Di tahun Hijriyah 1446 ini, mari kita renungkan apa yang telah kita capai dan apa yang masih perlu diperbaiki dalam diri kita. Apakah kita telah menjadi lebih baik? Apakah kita telah berusaha keras untuk mencapai azam kita? Apakah kita telah menjalani kehidupan sesuai dengan nilai-nilai Islam?

Refleksi ini membantu kita untuk menetapkan resolusi yang lebih baik untuk tahun yang akan datang. Ini adalah waktu yang baik untuk memperbaharui komitmen kita terhadap nilai-nilai Islam, memperbaiki hubungan dengan sesama ummah, dan meningkatkan lagi kualiti ibadah kita.



*Majlis bacaan Yasin, Tahlil, doa awal dan akhir tahun*



*Gotong-royong menyediakan bubur Asyura untuk edaran*

# SEMARAK MAAL HIJRAH 1446H / 2024

## MASJID IBN ABBAS



### SAJIAN ROHANIAH ASATIZAH TERPILIH SEPANJANG BULAN MUHARAM, TINGKATKAN IMAN DAN ILMU DALAM KOMUNITI

**MIATIK**, 7 Julai — Sambutan bulan Muharam yang penuh barakah, Masjid Ibn Abbas (MIATIK) telah menyusun siri kuliah asatizah terpilih bagi mengisi program sepanjang bulan ini. Program yang bertujuan memberi pendedahan ilmu agama dan memperkuatkan nilai rohaniah di kalangan jemaah ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli komuniti setempat.

Bulan Muharam, sebagai salah satu bulan yang dimuliakan dalam kalendar Islam, dipilih sebagai waktu yang sesuai untuk mempertingkatkan amalan keagamaan. Sepanjang bulan ini, MIATIK telah mengundang beberapa asatizah terkemuka untuk memberikan kuliah, ceramah, dan perbincangan ilmiah mengenai pelbagai topik agama yang berkaitan dengan sejarah Islam, kisah para nabi, serta pengajaran dari peristiwa-peristiwa besar dalam sejarah Islam. Asatizah yang berpengalaman diundang untuk menyampaikan sajian rohaniah yang mendalam, dengan topik-topik yang mengajak para jemaah merenung dan memperbaharui niat serta amalan mereka. Antara tema yang dibincangkan termasuklah keutamaan bulan Muharam, makna

hijrah dalam kehidupan, taubat dan keampunan, serta mengukuhkan ukhuwah sesama Islam.

Menurut Ustaz Marwan Hadid Norkhair, Ketua Biro Pendidikan dan Dakwah, program ini adalah salah satu usaha untuk memperkuatkan keimanan dan pemahaman agama di kalangan umat Islam. "Bulan Muharam adalah bulan yang penuh dengan pengajaran penting. Melalui sesi-sesi ilmu ini, kami berusaha untuk menyampaikan pengajaran-pengajaran yang dapat memberi manfaat dalam kehidupan seharian," katanya.

Program ini juga memberi penekanan kepada peranan masjid sebagai pusat pembelajaran dan penyebaran ilmu dalam masyarakat. Pihak masjid percaya bahawa melalui pengajaran yang mendalam, jemaah bukan sahaja akan lebih memahami ajaran Islam tetapi juga dapat mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian mereka. Sebagai tambahan, masjid turut menyediakan ruang interaksi selepas setiap kuliah bagi membolehkan peserta mengajukan soalan dan berbincang lebih lanjut dengan asatizah.

Menurut Pengurus Masjid, Haji

Nizam Shah Mohd Noor, inisiatif ini diharapkan dapat menjadi platform bagi jemaah untuk menghidupkan semangat mujahadah dan memperkuatkan perpaduan dalam kalangan umat Islam. "Kami berharap program ini bukan hanya memberi ilmu tetapi juga menjadi wadah untuk memperkuatkan jalinan silaturahim di kalangan jemaah. Bulan Muharam adalah masa yang tepat untuk kita memperbaharui komitmen kepada Allah dan memperbanyak amal ibadah," ujarnya.

Kesimpulannya, program yang dianjurkan oleh Masjid sepanjang bulan Muharam ini adalah satu langkah yang sangat positif dalam memperkuatkan keimanan dan memperkuatkan ilmu agama di kalangan masyarakat. Melalui pendedahan kepada ilmu yang mendalam dan penghayatan terhadap pengajaran Islam, diharapkan ia dapat memberi kesan yang besar kepada perkembangan rohani dan sosial komuniti setempat. Dengan lebih banyak program seperti ini, masjid dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam membina umat yang berilmu, berakhlaq mulia, dan bersatu padu dalam semangat ukhuwah Islamiah. *Sumber BPD*



## SMKSI BAKAL WAKILI NEGARA SERTAI PERTANDINGAN ROBOTHON PERINGKAT ANTARABANGSA

**SETAPAK INDAH**, 22 Julai – Lanjutan dari kemenangan yang diperolehi dari pertandingan Robothon yang diadakan di Johor Bahru awal tahun ini, Sekolah Menengah Kebangsaan Setapak Indah (SMKSI) telah terpilih untuk menyertai pertandingan Robothon peringkat antarabangsa yang akan berlangsung di Sea Complex Convention & Community Hall Bangkok, Thailand pada 24 November ini.

Seramai 2 orang pelajar diiringi 2 orang guru bakal membawa cabaran mewakili Malaysia ke pertandingan tersebut yang turut disertai pelajar-pelajar dari 5 negara Asia lain seperti Indonesia, Filipina, Vietnam, China dan tuan rumah Thailand.

ROBOTHON adalah platform pertandingan cabaran bertema untuk pelajar meneroka isu-isu dunia nyata hari ini dengan penyelesaian yang kreatif. Acara tahunan ini biasanya dianjurkan di peringkat negeri, serantau, nasional, dan antarabangsa.

MIATIK yang diwakili pengurusnya, Hj Nizam Shah Mohd Noor telah menyerahkan sumbangan berjumlah RM1,000 kepada pihak sekolah sebagai tanda penghargaan dan sokongan atas usaha para tenaga pengajar sekolah ini dalam melahirkan pelajar-pelajar berinovasi dengan teknologi terkini. Tahniah kepada semua yang terlibat yang telah banyak bekerja masa, tenaga dan kewangan dalam memastikan penyertaan ke pertandingan ini menjadi kenyataan.



## MIATIK ZIARAH USTAZ FIRDAUS DAN KELUARGA

**TAMAN MELATI**, 30 Julai – MIATIK diwakili Hj Nizam Shah Mohd Noor bertandang ziarah ke rumah mantan Ketua Bilal Masjid Ibn Abbas (MIATIK), Ustaz Mohd Firdaus Abd Rahman Sidek hari ini.

Ustaz Mohd Firdaus mula berkhidmat di MIATIK semenjak Januari 2019 berjawatan sebagai Ketua Bilal. Khidmat bakti beliau terhalang atas faktor kesihatan yang tidak mengizinkan. Beliau disahkan mengidap Right Cerebello Pontine Epidermoid Cyst atau ketumbuhan di kepala yang menyebabkan kesukaran dalam pergerakan dan percakapan.

MIATIK turut menghulurkan sedikit sumbangan untuk meringankan beban kos perubatan yang ditanggung oleh beliau. Turut sama hadir memberi sokongan moral dan sumbangan, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Bahagian Sumber Manusia, ICT dan wakil Pejabat Tadbir Agama JAWI Zon 2.



## GEGARAN SOLIDARITI DALAM HIMPUNAN PEMBEBASAN PALESTIN

**BUKIT JALIL**, 4 Ogos – Rakyat Malaysia tidak mengira bangsa manapun agama bersama-sama menghadiri Himpunan Pembebasan Palestin di Axiata Arena, Bukit Jalil, Kuala Lumpur hari ini. Majlis yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anuar Ibrahim telah berjaya menghimpunkan lebih 15,000 hadirin.

MIATIK yang diwakili 21 jemaah muslimin dan muslimat turut sama menyatakan sokongan dan kebersamaan rakyat Palestin dalam perjuangan mereka. Program ini bermula dari jam 6 petang dan berakhir pada jam 10 malam turut disusuli dengan tazkirah dari asatizah terkenal, ucapan dari para aktivis dan persembahan nasyid.

Himpunan Pembebasan Palestin itu adalah bagi menyampaikan mesej kepada dunia bahawa Malaysia mengutuk pembunuhan Ketua Biro Politik Hamas Ismail Haniyeh, sekali gus menentang kekejaman rejim Zionis terkutuk.



## MALAM CINTA RASUL, AL FALAH PEMACU MALAYSIA MADANI

**PUTRAJAYA**, 15 September - Seramai 42 orang peserta kariah di bawah Biro Muslimat telah menyertai program 'Malam Cinta Rasul' anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertempat di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Putrajaya. Majlis ini antara usaha kerajaan mengimarahkan program-program penghayatan serta kecintaan kepada Nabi Muhammad SAW sempena Sambutan Maulidur Rasul SAW Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2024. Majlis dimulakan dengan solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah dan seterusnya disusuli dengan sesi perkongsian "Malam Cinta Rasul". Majlis turut dihadiri YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan para asatizah terkenal di Malaysia.



Seramai 22 orang peserta hadir dalam kursus Asas Bakeri Bersama CG Tinaz – foto BPP

## KURSUS ASAS BAKERI MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN KEUSAHAWANAN KOMUNITI

**MIATIK**, 1 September – Usaha untuk memperkasakan kemahiran dan memberi peluang keusahawanan kepada ahli jemaah, Masjid Ibn Abbas (MIATIK) di bawah Kerjasama Biro Belianis dan Kebajikan, telah mengadakan Kursus Asas Bakeri selama satu hari. Kursus ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli komuniti, terutamanya golongan wanita dan remaja yang ingin memperkaya kemahiran mereka dalam bidang pembuatan roti dan pastri.

Kursus yang dianjurkan bertujuan untuk menyediakan peserta dengan pengetahuan asas dalam bidang bakeri, sekaligus memberi mereka peluang untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan atau sekadar mengisi masa lapang dengan kemahiran baru. Program ini juga dilihat sebagai langkah positif untuk memperkuuhkan semangat keusahawanan di kalangan penduduk setempat.

Para peserta diajar cara membuat pelbagai jenis roti, kek, dan pastri yang popular seperti roti bun, kek marble, serta aneka pastri. Tenaga pengajar yang berpengalaman dalam industri bakeri, Cikgu Tinaz, memberikan tunjuk ajar mengenai teknik-teknik penting seperti

penyediaan doh, pemilihan bahan baku yang berkualiti, serta penggunaan alat bakeri yang tepat. "Bakeri bukan sahaja mengenai penyediaan makanan yang enak, tetapi juga tentang seni yang memerlukan kesabaran dan ketelitian. Saya berharap para peserta dapat mengaplikasikan ilmu yang diperoleh dan mungkin memulakan perniagaan mereka sendiri," ujar Cikgu Tinaz dalam sesi perkongsian.

***'Masjid bukan hanya berperanan sebagai pusat ibadah sahaja tetapi turut memainkan peranan penting dalam usaha memperkasa komuniti melalui pendidikan dan kemahiran.'***

***Hj Nizam Shah Mohd Noor  
Pengerusi Masjid Ibn Abbas***

Selain daripada mengasah kemahiran, kursus ini turut memberi pendedahan kepada peserta mengenai potensi untuk memulakan perniagaan dalam industri makanan. Kursus bakeri yang diadakan telah

menunjukkan bagaimana masjid berperanan bukan hanya sebagai pusat ibadah sahaja, tetapi juga sebagai tempat untuk pembangunan kemahiran dan kesejahteraan komuniti. Program-program seperti ini dapat mempereratkan lagi hubungan antara jemaah dan memberikan mereka peluang untuk saling membantu dan bekerjasama dalam mencapai matlamat ekonomi mereka. Dengan sokongan yang berterusan, program-program seperti ini mampu membuka peluang keusahawanan yang lebih luas bagi individu yang berminat untuk menceburi bidang bakeri.

Pengerusi Masjid Hj Nizam Shah Mohd Noor, berharap agar lebih banyak program serupa dapat dianjurkan pada masa hadapan untuk menyokong pembangunan masyarakat setempat. "Masjid kita tidak hanya menjadi tempat untuk beribadah, tetapi juga sebagai pusat pembelajaran yang mampu memperkasakan ekonomi dan kemahiran ahli jemaah," katanya. -

***Sumber BPP***





*Penerangan dan perancangan kerja naiktaraf dan selenggara masjid dibentangkan oleh konsultan pembinaan - foto BPP*

## KERJA NAIK TARAF DAN SELENGGARA MASJID BAKAL DISEGERAKAN BAGI MEMBERI LEBIH KEMUDAHAN DAN KESELESAAN PARA JEMAAH

**MIATIK**, 24 Julai - Kerja menaik taraf kemudahan dan selenggaraan di Masjid Ibn Abbas bakal dilaksanakan Oktober tahun ini membatikan kos anggaran sebanyak RM400 ribu. Kerja menaik taraf ini turut membabitkan kerja pembinaan bilik jenazah dwi guna yang lebih besar dan mudah urus. Manakala bilik pengurusan jenazah sebelum ini bakal dirobohkan bagi lebih ruang pemberesan ruang solat di luar. Selain itu, kerja pemberesan ruang pejabat pengurusan, kerja perataan ruang solat luar, kerja penukaran tambah baik tandas muslimin dan muslimat, penghadang hujan di ruangan terbuka, pemasangan anti gelincir di ruang pintu masuk utama masjid, kerja dekorasi mihrab di ruang solat utama turut berada di dalam senarai kerja ini.

Pihak pengurusan masjid juga telah melantik beberapa kumpulan konsultan bagi kerja penyediaan skop kerja dan pemantauan kualiti kerja oleh kontraktor yang bakal dipilih melalui proses bidaan nanti. Konsultan yang dilantik mewakili masjid adalah SR Expert Practice Sdn Bhd, SNJ Architect Siti Normahjasni, SNJ Associates Sdn Bhd dan ESHA Engineering Consultants.

Pengerusi MIATIK, Hj Nizam Shah Mohd Noor berkata, kerja naik taraf ini perlu bagi memberi lebih kemudahan kepada para jemaah, pengurusan jenazah yang lebih efisen dan perluasan kawasan bilik pejabat baru untuk pengurusan yang lebih teratur dan efektif.

"Sudah tiba masanya untuk kita menaik taraf masjid dan memperbaiki prasarana yang sedia ada demi memberi lebih keselesaan dan kemudahan kepada para jemaahnya mengikut keperluan semasa. Binaan masjid kita kali terakhir telah berusia lebih dari 10 tahun dan pasti ada kerja selenggaraan yang diperlukan.

Katanya lagi, pihak pengurusan kerap kali menerima aduan berkaitan pelbagai masalah kebocoran saluran paip air dan bumbung, ruang solat masjid yang tidak mencukupi, kerosakan pendawaian elektrik, masalah penghawa dingin, kemudahan dan peralatan yang digunakan di masjid. Oleh itu, kerja penyelenggaraan bangunan turut sama diselitkan dalam skop bidaan kali ini.

Sebelum itu, pembentangan kertas kerja dan cadangan projek berkenaan telah mendapat

kelulusan Jawatankuasa kariah masjid pada mesyuarat awal tahun ini setelah hampir 2 tahun menjalankan kajian dan penilaian kesesuaian kerja serta peruntukkan bajet.

Dana infaq pembangunan telah dilancarkan sejurus kelulusan diperolehi dari Jawatankuasa Kariah bagi memberi peluang para jemaah dan anak kariah menyumbang dalam pembangunan masjid ini. Usaha mencari dana tambahan turut dilakukan bagi memastikan perancangan pembangunan ini dapat dilakukan dengan kadar segera.

Beliau menjelaskan, selain dari sumbangan para jemaah dan anak kariah, masjid turut sama menerima peruntukkan dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) sebanyak RM200 ribu, selain dari tempoh kematangan simpanan tetap masjid berjumlah RM300 ribu juga turut sama membantu merealisasikan usaha ini."

Kita menjangkakan kerja naik taraf dan selenggaraan ini siap sepenuhnya selewat-lewatnya Februari tahun hadapan, tambah beliau. - **Sumber BPP**



## 7 SYARIKAT KONTRAKTOR BINAAN BERMINAT SERTAI BIDAAN KERJA NAIK TARAF MASJID IBN ABBAS

**MIATIK**, 9 September - Tujuh syarikat hadir dalam sesi taklimat kerja naik taraf yang diadakan di Masjid Ibn Abbas hari ini. Syarikat-syarikat berkenaan terdiri dari pelbagai latar belakang berstatus G2-G5.

Taklimat kerja dibentangkan oleh Konsultan lantikkan masjid, En Azahari dari SR Expert Practise Sdn Bhd. Para pembida turut dibawa ke tapak lokasi kerja. Syarikat-syarikat yang menyertai bidaan ini akan melalui proses penilaian dari pelbagai faktor seperti, kewangan, pengalaman, kepakaran dan berkaitan. Bidaan tersebut ditutup pada 14 Oktober 2024.



## KONTRAKTOR LANTIKKAN JAWI MULA KERJA SELENGGARA MASJID

**MIATIK**, 19 September - Wawasan Lambokini Enterprise kontraktor lantikkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) mula kerja selenggaraan masjid hari ini. Kerja-kerja yang bakal terlibat adalah seperti pemasangan penghadang hujan di ruangan solat luar, kerja perataan ruang solat luar, kerja cat di bahagian hadapan masjid, baikpulih papan tanda masjid, penggantian pintu tandas muslimin, penggantian 2 tangki air polimer utama, pemasangan anti gelincir di ruang masuk masjid dan penggantian lampu LED.

Kos selenggara anggaran 100 ribu ini adalah sebahagian dari jumlah 200 ribu yang dibiayai sepenuhnya oleh JAWI.



## PERLANTIKKAN BARU PEMBANTU TADBIR MASJID

**MIATIK**, 1 Jun - Perlantikan saudara Wan Ahmad Ibrahim Bin Wan Zulkipli sebagai Pembantu Tadbir yang baru adalah untuk mengisi posisi penting dalam kerja-kerja pengurusan masjid yang lebih kemas. Beliau memiliki pengalaman dalam bidang pengurusan dan pengelolaan organisasi sebelum ini dengan beberapa syarikat swasta. Berpendidikan dari Maahad Tahfiz AlQuran Walqiraat dan University of Jordan dalam bidang Syariah Usul Fiqh dilihat bertepatan tugas di masjid ini.

Selain tugas sebagai pembantu tadbir

masjid, beliau turut bertanggung jawab dalam urusan Pengurusan Jenazah dan juga sebagai Imam rakyat.

Seiring dengan perlantikan ini, diharapkan pengurusan di Masjid Ibn Abbas akan semakin baik dan semua kegiatan masjid, mulai dari pengajian, acara keagamaan, hingga kegiatan sosial masyarakat, dapat terlaksana dengan lebih tersusun.



Dari kanan Hj Mohd Yunos Bin Hashim dan Hj Naveer Mohideen bersara secara rasmi sebagai pembantu Bilal setelah lebih 20 tahun berkhidmat di MIATIK

## PERSARAAN PEMBANTU BILAL MASJID IBN ABBAS

**MIATIK**, 30 September - Masjid Ibn Abbas mengumumkan persaraan dua pembantu bilalnya, Hj Mohd Yunos Bin Hashim dan Hj Naveer Mohideen berkuatkuasa akhir Oktober tahun ini. Tiga calon pengganti Bilal telah disaring melalui proses temuduga semenjak awal tahun ini. Tempoh percubaan dan penyesuaian diri calon-calon bilal baru yang terpilih bakal bermula dari Oktober sehingga akhir Disember tahun ini.

## SURAU AL AMIN DINAIKTARAF SEBAGAI SURAU JUMAAT

**SETAPAK INDAH**, 13 September - Khabar gembira bagi penduduk Taman Setapak Indah, Surau Al-Amin, yang telah lama menjadi pusat kegiatan keagamaan bagi masyarakat setempat, kini telah diiktiraf secara rasmi sebagai Surau Jumaat. Pengiktirafan ini diumumkan melalui surat rasmi dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bertarikh 12 September 2024, JAWI.K.100-15/6 Jld. 4(77).

Dengan pengiktirafan ini, Surau Al-Amin Setapak Indah kini menjadi salah satu surau yang mempunyai kelulusan untuk menunaikan solat Jumaat, di samping terus memperkuuhkan program-program keagamaan yang bermanfaat bagi seluruh umat Islam di kawasan Setapak Indah.



Seramai lebih 700 peserta dari 21 kontingen memeriahkan perarakan Hari Malaysia dan Maulidur Rasul anjuran Masjid Ibn Abbas tahun ini.

## KEMERIAHAN MAULIDUR RASUL & HARI MALAYSIA: BERSATU DALAM KEBERKATAN, MEMPERTEGUH SEMANGAT PERPADUAN

**MIATIK**, 28 September – Seramai lebih dari 700 peserta daripada 21 kontingen dan orang ramai telah menyertai perarakan sejauh hampir 2 kilometer sempena Sambutan Maulidur Rasul dan Hari Malaysia peringkat kariah Masjid Ibn Abbas Taman Ibukota hari ini.

Perarakan mengelilingi dua buah taman dalam kariah, Taman Ibukota dan Taman Danau Kota, berakhir di Masjid Ibn Abbas mengambil masa hampir 40 minit.

Pengerusi Masjid Ibn Abbas Hj Nizam Shah Mohd Noor berkata, sambutan program tahunan kali ini amat unik buat para jemaah dan anak kariah apabila dua peristiwa penting iaitu Sambutan Maulidur Rasul dan Hari Malaysia jatuh pada 16 September hari yang sama dan disambut serentak pada tahun ini. Ditambah lagi dengan peningkatan penyertaan berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Signifikan sambutan kali ini, membawa kita mendalami erti kemerdekaan iaitu, kemerdekaan diri kita kembali kepada fitrah, kemerdekaan pemikiran kita dari idealogi kolot dan terpesong, selain dari pengertian kemerdekaan negara kita dari dijajah bangsa asing.

Sambutan serentak Maulidur Rasul dan Hari Malaysia pada tahun ini, turut memberikan satu perspektif yang menarik dalam menyatukan dua sambutan yang berbeza tetapi saling melengkapi. Keduanya bukan sahaja mencerminkan nilai-nilai keagamaan dan kebangsaan, tetapi juga turut menonjolkan semangat perpaduan yang amat diperlukan dalam masyarakat berbilang kaum dan agama di kariah kita umumnya dan negara kita secara amnya.

Dalam konteks semasa yang penuh dengan dugaan dan cabaran, tindakan untuk menyatukan sambutan ini juga turut menyampaikan mesej yang kuat tentang pentingnya hidup dalam keharmonian, saling menghormati dan memahami antara satu sama lain sambil mewujudkan semangat patriotisme sayang pada negara.

Pelbagai acara sampingan turut disediakan seperti persembahan nasyid dan Qasidah bagi menambah meriah sambutan pada tahun ini.

Program berkenaan turut mendapat tajaan bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Wakil Rakyat Parlimen Wangsa Maju.

Majlis dirasmikan oleh Pegawai Tadbir Agama Zon 2 JAWI, Ustaz Ahmad Yusri Bin Abd Manap.









# Gerchok Rezeki

Menyantuni yang memerlukan



## Gerobok Rezeki

BANTUAN BARANGAN ASAS DAPUR KEPADA ASNAF DAN KARIAH YANG BERKEPERLUAN,

SILA HUBUNGI KAMI ATAU Sampaikan pesanan di talian 013-3012564

